

**FUNGSI PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH  
NAFKAH BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN  
KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (BSK JKSM)  
MENURUT MAQĀSĪD AL-SHARĪ'AH**

Mohd Amir bin Haji Arifin@Mohd Rifin<sup>1</sup> &  
Dr. Jamalluddin bin Hashim<sup>2</sup>

**Abstrak**

*Isu tunggakan nafkah isteri dan anak telah menjadi satu masalah kepada negara sehingga pihak kerajaan membuat keputusan menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 7 Jun 2007. BSK JKSM ditubuhkan khusus bagi menangani masalah tunggakan nafkah isteri dan anak melalui proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia. Hukum menunaikan nafkah isteri dan anak adalah wajib menurut hukum syarak. Namun begitu kes pengabaian nafkah isteri dan anak kian meningkat setiap tahun bahkan perintah pembayaran oleh Mahkamah Syariah turut tidak diendahkan dan tidak dilaksanakan. Oleh itu perlu diketengahkan bahawa fungsi penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah oleh BSK JKSM melalui Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) negeri-negeri dalam tempoh sembilan tahun ditubuhkan amatlah signifikan menurut Maqāṣid al-Sharī'ah dalam mendatangkan kebaikan dan mengetepikan kemudharatan. Kajian ini menggunakan kaedah eksploratori melalui metod dokumentasi kepustakaan dan kajian kes serta metod deskriptif kepada dapatan statistik kes SBSK negeri-negeri. Secara induktif dan deduktif hasil kajian mendapati tugas penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah BSK JKSM adalah termasuk kategori al-Darūriyyāt bertujuan menjaga nyawa (al-Nafs). Hasil kajian juga mendapati fungsi SBSK negeri-negeri mampu menangani kes tunggakan perintah nafkah secara konsisten sekalipun dengan bidang kuasa yang amat terhad.*

**Kata kunci:** Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah, Bahagian Sokongan Keluarga, Maqāṣid al-Sharī'ah

**Abstract**

*The issue of arrears of maintenance of wife and children has become a problem for the country, so the government decided to set up the Family Support Division (BSK) in Syariah Judiciary Department Malaysia (JKSM) on June 7, 2007. BSK was established specifically to address the problem of arrears of maintenance of wife and children through the process of enforcement and execution of the Syariah Court order states throughout Malaysia. Fulfill legal maintenance of wife and children is required by Islamic law. However neglect maintenance of wife and children is increasing every year and even the payment order by the Syariah Court was ignored and not executed. Therefore needs to be highlighted that the enforcement and execution of the order by BSK through Family Support Division Section (SBSK) states in the last nine years is*

---

<sup>1</sup> Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah adalah pelajar Sarjana Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak Kuala Terengganu.

<sup>2</sup> Pensyarah dan Ketua Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak Kuala Terengganu.

*significant according to established Maqasid al-Shari'ah aside in alleviating hardships and eliminating prejudices. This study adopted the method by method documentation exploratory literature and case studies as well as to the finding of descriptive statistical methods SBSK case states. By Inductive and deductive methods, the study found that an enforcement and execution function of BSK JKSM was included in the matter of al-Darūriyyat in order to protect the life (al-Nafs). The study also found that the function of SBSK states to handle cases of arrears of maintenance orders consistently even with very limited jurisdiction.*

**Keywords:** An enforcement dan execution of maintenance order, Family Support Division, *Maqāṣid al-Shari'ah*.